

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**  
**TARIKH : RABU, 18 MAC 2015**  
**RUJUKAN : L4 [PR-1331-L66335]**  
**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan setakat mana pengurusan pentadbiran dan projek-projek di Wilayah Persekutuan terjejas dengan kajian semula Bajet 2015. Apakah langkah-langkah menyesuaikanya.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, susulan daripada penstrukturan semula Bajet 2015 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 Januari 2015, secara keseluruhannya kajian semula Bajet 2015 ini tidak menjejaskan pelaksanaan projek-projek pembangunan sedia ada serta projek-projek baru di Kementerian Wilayah Persekutuan yang dirancang pelaksanaannya pada tahun 2015 kerana kajian semula tersebut tidak melibatkan bajet pembangunan.

Peruntukan mengurus Kementerian Wilayah Persekutuan bagaimana pun telah disekat sebanyak 18% iaitu sejumlah RM 74,779,720 daripada jumlah diluluskan sebanyak RM427,375,600.

Strategi Kementerian ini dalam mentadbir peruntukan mengurus Kementerian yang dikurangkan ini adalah melalui pendekatan berbelanja secara berhemah, melaksanakan penjimatan dalam perbelanjaan pengoperasian Kementerian, melaksanakan program dan aktiviti Kementerian mengikut keutamaan dan pulangan nilai pada wang atau "*value for money*", penjimatan perbelanjaan luar negara dengan mendapat kelulusan YB Menteri Wilayah Persekutuan, penjimatan penggunaan utiliti serta pengurusan penyelenggaraan aset yang baik dan optimum.